Terms and Conditions of Touch 'n Go Golden Parking Rewards Campaign 2026 ("Terms and Conditions")

1. **Campaign**: Touch 'n Go Golden Parking Rewards Campaign 2026 is organised by Touch 'n Go Sdn Bhd ("**Touch 'n Go**").

2. **Campaign Period**: The Campaign will run from 16 November 2026 to 28 February 2027.

3. **Eligibility:**

   To participate:

   (a) You must be a Touch 'n Go eWallet ("**TNG eWallet**") user, 18 years or older with a valid and active TNG eWallet account during the Campaign Period.

   (b) Employees of Touch 'n Go and TNG Digital Sdn Bhd are not eligible to participate in the Campaign.

4. **Participation:**

   (a) You must enable LPR Parking feature on TNG eWallet by adding your vehicle successfully.

   (b) When exiting the car park, you must pay for your parking fee via LPR Parking at Suria KLCC Car Park (KLCC NWD), with the parking fee deducted from your TNG eWallet during the Campaign Period. Participants will receive one (1) entry for each eligible transaction.

5. **Selection:**

   (a) Throughout the Campaign Period, 60 participants will be selected based on the formula below ("**Selected Participant**"):

   Total entries / 60 = Quotient
   Every Nth entry based on the Quotient will be selected.

   Example:
   If there are 6,000 total entries between the Campaign Period of 16 November 2026 to 28 February 2027, 6,000 / 60 = 100.

   Selected Participant will be the 100th, 200th, 300th entries, and so on.

   (b) The Selected Participant will be determined within thirty (30) working days after the end of Campaign Period. For the purpose of these Terms and Conditions, working days refer to Mondays to Fridays, excluding public holiday in Kuala Lumpur.

6. Reward:

(a) Up to 60 Selected Participants throughout the Campaign Period will receive the reward below ("**Reward**")

Reward	Total Winners
Touch 'n Go 30th Anniversary Limited Edition 0.5gm Gold Wafer	60

(b) Only 1 Reward per Selected Participant throughout the campaign period

(c) The Rewards are not exchangeable, transferrable or negotiable. TNG reserves the right to replace the Reward with another rewards of similar or lesser value and TNG shall notify Selected Participants of such replacement.

7. Reward Notification

(a) The Selected Participants will be determined within thirty (30) working days after the end of the Campaign Period.

(b) Selected Participants of the Campaign will be notified via their e-mail address or contact number registered in their respective TNG eWallet, account and/or via TNG's official social media platforms.

(c) Selected Participants are personally responsible for ensuring that their personal particulars, contact details and email address provided to TNG and registered in their respective TNG eWallet are accurate.

8. Reward Redemption:

(a) For clarity, Selected Participants must collect the Reward in person and cannot appoint a representative. If a Selected Participant is unable to attend, they must notify TNG within seven (7) days of receiving TNG's email. Failure to do so will result in disqualification, and TNG may select a replacement for the Selected Participant.

(b) TNG shall not be liable if the Winners do not receive the Reward due to their own errors, negligence and/or failure to provide accurate information.

Unclaimed or expired Rewards will be forfeited. No replacement of the Selected Participant will be selected.

9. Disqualification of Entries:

Touch 'n Go reserves the right to disqualify any participant:

(a) if they breach these Terms and Conditions;

(b) engage in fraud, cheating, or dishonest conduct.

Touch 'n Go will inform affected participants of the reason if requested. Affected participants can contact Customer Support for clarification or to appeal. Touch 'n Go also reserves the right to withdraw, cancel, terminate, or suspend the Campaign by providing seven (7) calendar days' notice via Electronic Direct Mail ("**eDM**") or a push notification through the TNG eWallet app. Touch 'n Go will not be liable for any losses or damages resulting from the withdrawal, cancellation, termination, or suspension of the Campaign.

10. Customer Support:

Any issues concerning the Campaign may be raised to Touch 'n Go Careline contact number and/or email address as follows:

Careline No.: 03-2714 8888 (Mon-Fri: 8.00am to 8.00pm)

E-mail: careline@touchngo.com.my

General Terms and Conditions

11. By participating in the Campaign, you agree to the following:

(a) **Compliance with Terms and Conditions**: You agree to comply with and be bound by these Terms and Conditions of the Campaign, including any subsequent amendments or variations made by Touch 'n Go to these Terms and Conditions as well as any decisions made by Touch 'n Go in relation to the Campaign. You hereby acknowledge and agree that your use of TNG eWallet shall be governed by its applicable terms and conditions;

(b) **Processing of Personal Data**: You authorise and consent for Touch 'n Go to process, collect, record, hold, store, use, and disclose your personal information and data ("**Personal Data**") in accordance with Touch 'n Go's Privacy Notice for purposes which are necessary and/or related to your participation in the Campaign. You confirm that this consent covers all necessary processing of your Personal Data, and no further permission is required. You also confirm that the Personal Data provided to Touch 'n Go is complete and accurate;

(c) **Disclosure of Personal Data**: You permit Touch 'n Go to disclose and/or publish your Personal Data as well as any general information, on any media, marketing, or advertising materials as Touch 'n Go deemed appropriate, subject to applicable data protection laws; and

(d) **Use of Images and Captions**: Where applicable, you grant Touch 'n Go a perpetual, worldwide, irrevocable, royalty-free, and sublicensable right to use, modify, reproduce, distribute and publish any still or moving images and written captions featuring or provided by you for any promotional, marketing,

commercial, or other related purposes, in any media now known or developed in the future, without any further consent or compensation.

12. **Exclusion of Liability**: Touch ’n Go (including Touch ’n Go’s subsidiaries, affiliates, associated companies, and related corporations (as defined in Companies Act 2016)) will not be liable for any loss (including indirect, special, consequential loss or loss of profits), expense, or damage suffered or sustained by you in connection with the Campaign, except for liability that cannot be legally limited or excluded.

13. **Prevailing Terms**: These Terms and Conditions will prevail over any inconsistent terms, conditions, provisions, or representations in any other promotional or advertising materials for the Campaign.

14. **Right to Amend**: Touch ’n Go reserves the right to vary, delete, or add to any of these Terms and Conditions by providing seven (7) calendar days’ notice via eDM or a push notification through the TNG eWallet app. Touch ’n Go’s decisions regarding the Campaign are final, binding, and conclusive, and no correspondence, complaint, or appeal will be entertained.

15. **Governing Law and Dispute Resolution**: These Terms and Conditions are governed by the laws of Malaysia. Any disputes arising from these Terms and Conditions will be settled by mutual consultation and consent. If such dispute cannot be resolved, the dispute shall be submitted to the exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia.

16. **No Waiver**: No failure or delay by Touch ’n Go in exercising any right, power, or privilege under these Terms and Conditions will operate as a waiver. A single or partial exercise of waiver does not preclude any other or further exercise of any right, power or privilege.

17. **Severability**: If any provision is held to be illegal, invalid, or unenforceable, it will be fully severable, and the remaining provisions will remain in full force and effect.

18. **No Assignment**: You may not assign or transfer any of your rights and obligations under these Terms and Conditions without Touch ’n Go’s prior written consent. Touch ’n Go may assign its rights and/or benefits under these Terms and Conditions by providing written notice to you.

19. **Disclaimer of Warranties**: Subject to applicable laws, Touch ’n Go makes no warranties regarding the Reward and disclaims all warranties, express or implied, including but not limited to implied warranties of merchantability, fitness for a particular purpose, and non-infringement of any third-party intellectual property rights.

20. **Force Majeure**: If the Campaign cannot proceed as planned due to circumstances beyond Touch ’n Go’s reasonable control (including but not limited to natural disasters, acts of God, or technical failures), Touch ’n Go reserves the right to withdraw, cancel, terminate, modify, or suspend the Campaign. Touch ’n Go shall not be liable for any loss or damage resulting from the withdrawal, cancellation, termination, or suspension of the Campaign. In the event of actual or suspected fraud or other unlawful conduct, Touch ’n Go reserves the right to take appropriate action, including disqualifying participants or terminating the Campaign.

21. **Responsibility**: Touch ’n Go will not be responsible for any loss, harm, damage, injury, costs, fees, and expenses suffered by You if You cannot utilise the Reward due to your own fault, act, or omission.

22. **Survival of Terms**: The following provisions shall survive the expiry or termination of the Campaign: Compliance with Terms and Conditions, Processing of Personal Data, Disclosure of Personal Data, Use of Images and Captions, Exclusion of Liability, Prevailing Terms, Governing Law and Dispute Resolution, No Waiver, Severability, No Assignment, Disclaimer of Warranties, Responsibility, Language and any other provisions which by their nature are intended to survive.

23. **Language**: These Terms and Conditions are provided in both Bahasa Malaysia and English. In case of any inconsistency, the English version shall prevail.

Terma dan Syarat Kempen Touch ‘n Go Golden Parking Rewards 2026
(“Terma dan Syarat”)

1. **Kempen:** Kempen Touch ‘n Go Golden Parking Rewards 2026 (“**Kempen**”) dianjurkan oleh Touch ‘n Go Sdn Bhd (“**Touch ‘n Go**”).

2. **Tempoh Kempen**: Kempen ini akan berlangsung dari 16 November 2026 hingga 28 Februari 2027.

3. **Kelayakan**:

Untuk menyertai:

(a) Anda mestilah pengguna Touch ‘n Go eWallet (“**TNG eWallet**”) yang berumur 18 tahun ke atas dan mempunyai akaun TNG eWallet yang sah dan aktif sepanjang Tempoh Kempen.

(b) Pekerja Touch ‘n Go dan TNG Digital Sdn Bhd tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

4. **Penyertaan:**

(a) Anda hendaklah mengaktifkan ciri *LPR Parking* pada TNG eWallet dengan berjaya menambah maklumat kenderaan anda.

(b) Apabila keluar dari tempat letak kereta, anda hendaklah membuat pembayaran yuran tempat letak kereta melalui ciri *LPR Parking* di Suria KLCC Car Park (KLCC NWD) dimana baki akaun TNG eWallet akan ditolak sepanjang Tempoh Kempen. Setiap transaksi yang layak akan melayakkan peserta menerima satu (1) penyertaan.

5. **Pemilihan**:

(a) Sepanjang Tempoh Kempen, 60 peserta akan dipilih berdasarkan formula berikut (“**Peserta Terpilih**”):

Jumlah penyertaan / 60 = Kadar
Setiap penyertaan ke-N berdasarkan Kadar tersebut akan dipilih.

Contoh:
Jika terdapat 6,000 penyertaan antara 16 November 2026 hingga 28 Februari 2027, maka 6,000 / 60 = 100.

Peserta Terpilih adalah penyertaan ke-100, ke-200, ke-300, dan seterusnya.

(b) Peserta Terpilih akan ditentukan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas tamat Tempoh Kempen. Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, hari bekerja merujuk kepada hari Isnin hingga Jumaat, tidak termasuk cuti umum di Kuala Lumpur.

6. Ganjaran

(a) Sehingga 60 Peserta Terpilih sepanjang Tempoh Kempen akan menerima ganjaran di bawah ("**Ganjaran**").

Ganjaran	Jumlah Pemenang
Touch 'n Go Edisi Terhad 30 Tahun Wafer Emas 0.5gm	60

(b) Setiap Peserta Terpilih hanya akan menerima satu (1) Ganjaran sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

(c) Ganjaran tidak boleh ditukar, dipindah milik atau dirunding. TNG berhak untuk menggantikan Ganjaran dengan ganjaran lain yang mempunyai nilai yang sama atau lebih rendah dan TNG akan memaklumkan Pelanggan yang Layak mengenai penggantian tersebut.

7. Pemberitahuan Ganjaran

(a) Peserta Terpilih akan ditentukan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas tamat Tempoh Kempen. Bagi tujuan kejelasan, pengiraan tiga puluh (30) hari bekerja adalah dari hari Isnin hingga Jumaat sahaja, tidak termasuk cuti umum di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

(b) Peserta Terpilih akan dimaklumkan melalui alamat e-mel atau nombor telefon yang didaftarkan dalam akaun TNG eWallet masing-masing dan/atau melalui platform media sosial rasmi TNG.

(c) Peserta Terpilih adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan butiran peribadi, maklumat hubungan dan alamat e-mel yang diberikan kepada TNG serta yang didaftarkan dalam akaun TNG eWallet masing-masing adalah tepat.

8. Penebusan Ganjaran:

(c) Bagi tujuan kejelasan, Peserta Terpilih mesti menuntut Ganjaran secara peribadi dan tidak boleh melantik wakil. Sekiranya Peserta Terpilih tidak dapat hadir, mereka perlu memaklumkan kepada TNG dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh menerima e-mel daripada TNG. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pembatalan kelayakan, dan TNG berhak untuk memilih pengganti.

(d) TNG tidak akan bertanggungjawab sekiranya Peserta Terpilih tidak menerima Ganjaran disebabkan oleh kesilapan, kecuaian dan/atau kegagalan mereka sendiri dalam memberikan maklumat yang tepat.

Ganjaran yang tidak dituntut atau telah tamat tempoh akan dilucutkan. Tiada peserta gantian akan dipilih.

9. Pembatalan Penyertaan

Touch ‘n Go berhak membatalkan penyertaan mana-mana peserta:

(a) Jika melanggar Terma dan Syarat ini;
(b) Jika terlibat dalam penipuan, penyelewengan, atau kelakuan tidak jujur.

Touch ‘n Go akan memaklumkan peserta yang terkesan atas permintaan. Peserta boleh menghubungi Khidmat Pelanggan untuk penjelasan atau rayuan. Touch ‘n Go juga berhak untuk menarik balik, membatalkan, menamatkan, atau menggantung Kempen dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar melalui mel terus elektronik (**eDM**) atau notifikasi dalam aplikasi TNG eWallet. Touch ‘n Go tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan akibat tindakan tersebut.

10. Khidmat Pelanggan

Sebarang isu berkaitan Kempen ini boleh dikemukakan kepada Touch ‘n Go Careline melalui:

Nombor Careline: 03-2714 8888 (Isnin–Jumaat: 8.00 pagi hingga 8.00 malam)

E-mel: careline@touchngo.com.my

Terma dan Syarat Umum

11. Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju dengan perkara-perkara berikut:

(a) **Pematuhan kepada Terma dan Syarat:** Anda bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan Terma dan Syarat Kempen ini, termasuk sebarang pindaan atau perubahan yang dibuat oleh Touch ’n Go dari semasa ke semasa serta sebarang keputusan yang dibuat oleh Touch ’n Go berhubung dengan Kempen ini. Anda dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa penggunaan TNG eWallet anda adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang berkenaan.

(b) **Pemprosesan Data Peribadi:** Anda memberi kebenaran dan persetujuan kepada Touch ’n Go untuk memproses, mengumpul, merekod, menyimpan, menggunakan dan mendedahkan maklumat dan data peribadi anda (“**Data Peribadi**”) selaras dengan Notis Privasi Touch ’n Go bagi tujuan yang perlu dan/atau berkaitan dengan penyertaan anda dalam Kempen ini. Anda mengesahkan bahawa persetujuan ini meliputi semua pemprosesan Data Peribadi yang diperlukan dan tiada kebenaran tambahan diperlukan. Anda juga mengesahkan bahawa Data Peribadi yang diberikan kepada Touch ’n Go adalah lengkap dan tepat.

(c) **Pendedahan Data Peribadi:** Anda membenarkan Touch ’n Go untuk mendedahkan dan/atau menyiarkan Data Peribadi anda serta sebarang maklumat am dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan

sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Touch ’n Go, tertakluk kepada undang-undang perlindungan data yang terpakai; dan

(d) **Penggunaan Imej dan Kapsyen:** Jika berkenaan, anda memberikan kepada Touch ’n Go hak kekal, sejagat, yang tidak boleh ditarik balik, bebas royalti dan yang boleh disublesenkan untuk menggunakan, mengubah suai, menghasilkan semula, mengedar dan menerbitkan sebarang imej pegun atau bergerak serta kapsyen bertulis yang memaparkan atau disediakan oleh anda bagi tujuan promosi, pemasaran, komersial atau tujuan berkaitan lain, dalam mana-mana media yang wujud kini atau yang akan dibangunkan pada masa hadapan, tanpa sebarang kebenaran atau bayaran tambahan.

12. **Pengecualian Liabiliti:** Touch ’n Go (termasuk anak syarikat, sekutu, syarikat berkaitan dan syarikat bersekutu (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016)) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian (termasuk kerugian tidak langsung, khas, berbangkit atau kehilangan keuntungan), perbelanjaan atau kerosakan yang dialami oleh anda berkaitan dengan Kempen ini, kecuali liabiliti yang tidak boleh dihadkan atau dikecualikan secara sah.

13. **Keutamaan Terma:** Terma dan Syarat ini akan mengatasi sebarang terma, syarat, peruntukan atau representasi lain yang tidak konsisten dalam mana-mana bahan promosi atau pengiklanan berkaitan Kempen ini.

14. **Hak untuk Pindaan:** Touch ’n Go berhak untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar melalui mel terus elektronik (**eDM**) atau notifikasi dalam aplikasi TNG eWallet. Keputusan Touch ’n Go berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif, dan sebarang surat-menyurat, aduan atau rayuan tidak akan dilayan.

15. **Undang-undang yang Mentadbir dan Penyelesaian Pertikaian**: Terma dan Syarat ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian yang timbul daripada Terma dan Syarat ini akan diselesaikan melalui perundingan dan persetujuan bersama. Jika gagal, pertikaian tersebut akan dirujuk kepada bidang kuasa ekslusif mahkamah di Malaysia.

16. **Tiada Penepian**: Tiada kegagalan atau kelewatan oleh Touch ‘n Go dalam melaksanakan apa-apa hak, kuasa, atau keistimewaan di bawah Terma dan Syarat ini akan berfungsi sebagai suatu penepian. Satu atau sebahagian pelaksanaan penepian tidak menghalang mana-mana lain atau pelaksanaan selanjutnya apa-apa hak, kuasa atau keistimewaan.

17. **Kebolehasingkan**: Jika mana-mana peruntukan dianggap sebagai menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, ia akan diasingkan sepenuhnya, dan peruntukan selebihnya akan kekal berkuat kuasa dan berkuat kuasa sepenuhnya.

18. **Tiada Penyerahhakkan**: Anda tidak boleh menyerahkan atau memindahkan mana-mana hak dan obligasi anda di bawah Terma dan Syarat ini tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Touch ’n Go. Touch ’n Go boleh menyerahkan hak dan/atau manfaatnya dengan memberikan notis bertulis kepada anda.

19. **Penafian Jaminan**: Tertakluk kepada undang-undang yang terpakai, Touch ’n Go tidak memberikan sebarang jaminan berkenaan Ganjaran dan menafikan semua jaminan, sama ada nyata atau tersirat, termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan tersirat kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan tertentu dan tidak melanggar hak harta intelek pihak ketiga.

20. **Force Majeure**: Jika Kempen tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang akibat keadaan di luar kawalan munasabah Touch ’n Go (termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, takdir Tuhan, atau kegagalan teknikal), Touch ’n Go berhak untuk menarik balik, membatalkan, menamatkan, mengubah atau menggantung Kempen ini. Touch ’n Go tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan akibat tindakan tersebut. Sekiranya berlaku penipuan sebenar atau disyaki, atau kelakuan menyalahi undang-undang lain, Touch ’n Go berhak mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk membatalkan penyertaan atau menamatkan Kempen.

21. **Tanggungjawab**: Touch ’n Go tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kemudaratan, kerosakan, kecederaan, kos, yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh anda sekiranya anda tidak dapat menggunakan Ganjaran akibat kesilapan, tindakan atau kelalaian anda sendiri.

22. **Kelangsungan Terma**: Peruntukan-peruntukan berikut hendaklah terus berkuat kuasa walaupun selepas tamat tempoh atau penamatan Kempen: Pematuhan kepada Terma dan Syarat, Pemprosesan Data Peribadi, Pendedahan Data Peribadi, Penggunaan Imej dan Kapsyen, Pengecualian Liabiliti, Keutamaan Terma, Undang-undang dan Penyelesaian Pertikaian, Tiada Pelepasan Hak, Kebolehasingan, Larangan Penyerahan Hak, Penafian Jaminan, Tanggungjawab, Bahasa serta apa-apa peruntukan lain yang berdasarkan sifatnya dimaksudkan untuk terus berkuat.

23. **Bahasa**: Terma dan Syarat ini disediakan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.